

NOTIS MAKLUMAN

PERKHIDMATAN PENYAKSIAN PEGUAM DI DALAM SURAT CARA MELEPASKAN GADAIAN (BORANG 16N, REASSIGNMENT AND RELEASE, MEMORANDUM OF DISCHARGE OF CHARGE DAN SATISFACTION OF CHARGE)

1. Dimaklumkan bahawa **Suratcara Melepaskan Gadaian LPPSA** yang ditandatangani oleh **Pewakil Kuasa LPPSA** memerlukan **penyaksian oleh pihak peguam**. Bagi menyempurnakan urusan pelepasan gadaian, peminjam dikehendaki mengambil tindakan berikut:

- a. Mengemukakan Suratcara Melepaskan Gadaian di hadapan mana-mana peguam untuk **tujuan penyaksian sahaja** dengan **kos tidak melebihi RM100.00**;
- b. Mengemukakan Suratcara Melepaskan Gadaian **yang telah dibuat penyaksian** ke Pejabat duti setem yang berhampiran untuk tujuan penyeteman dengan **kos sebanyak RM10.00**; dan
- c. Mengemukakan Suratcara Melepaskan Gadaian beserta Borang 30A dan Perintah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (Tarikh Peletakhakan) 2015 ke Pejabat Tanah untuk tujuan pendaftaran pembatalan gadaian/ Borang Reassignment & Release beserta Perintah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (Tarikh Peletakhakan) 2015 ke Mahkamah Tinggi untuk tujuan pendaftaran pembatalan gadaian.

2. Kos bagi urusan yang terlibat di atas akan **dibiayai** oleh **LPPSA** bagi Negeri yang sebelum ini tidak mengenakan bayaran kepada peminjam. Bagi tuntutan balik bayaran, peminjam hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

- a. Resit asal pembayaran;
- b. Salinan muka depan buku bank (peminjam) yang disahkan oleh pihak bank; dan
- c. Salinan kad pengenalan peminjam.

3. Dokumen-dokumen tersebut boleh dihantar/dialamatkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, No. 9, Kompleks Kementerian Kewangan, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 Putrajaya, (**U.P : Jabatan Cagaran, Unit Bil**).

4. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak tuan/puan boleh menghubungi Unit Pelepasan Harta, Jabatan Cagaran di talian 03 – 8880 2995 (En. Wan Mat Lazim).